

Penggunaan Teknik Penyusun Grafik dan Penyoalan 5W1H dalam Mengecam Idea Teks Naratif Melalui Pembelajaran Koperatif

Junainah Mohamed Yusoff

Matufa Latiff

Sekolah Rendah Greenwood

Pusat Bahasa Melayu Singapura

junainah_mohamed_yusoff@moe.edu.sg, matufa_latiff@moe.edu.sg

Absrak

Murid sekolah rendah peringkat atasan sering menghadapi banyak masalah dalam menangani soalan-soalan kefahaman subjektif berbentuk naratif yang mencabar terutama bagi soalan 4 markah. Kajian ini dijalankan bagi murid Darjah 5 tahap sederhana untuk menilai keberkesanan penggunaan penyusun grafik dan teknik penyoalan 5W1H bagi meningkatkan pemahaman teks. Kaedah Pembelajaran Koperatif diterapkan pula agar dapat merangsang kemahiran berfikir murid untuk mengecam dan mencungkil idea atau fakta dalam teks terutama bagi menjawab soalan-soalan kefahaman berdasarkan Taksonomi Bloom seperti soalan jenis pemahaman, analisis dan penilaian. Melalui Pembelajaran Koperatif, murid digalakkan menjadi pemikir yang lebih aktif kerana proses interaktif antara guru dan murid sama ada sebelum, semasa dan sesudah membaca teks kefahaman dapat memupuk kemahiran komunikatif. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa 90% daripada murid yang terlibat mampu melakarkan penyusun grafik secara individu setelah beberapa latihan dijalankan di dalam kelas.

Kata kunci: pembelajaran koperatif; kemahiran berfikir; membaca; penyusun grafik

Keywords: cooperative learning; thinking skill; reading; graphic organiser

Pengenalan

Teknik mengajar kefahaman yang berkesan akan menimbulkan keseronokan dan kepuasan kepada diri murid kerana mereka memahami isi kandungan teks. Selain itu, murid dapat mentafsirkan makna dengan memahami makna perkataan mengikut konteks, meramal maksud penulis atau peristiwa yang akan terjadi berdasarkan cerita sebelumnya. Dalam hal ini, murid akan dapat mengenal pasti jawapan bagi soalan jenis pemahaman, analisis dan penilaian dengan mengetahui akan hubungan antara sebab dan akibat, membezakan antara fakta dan pandangan serta memahami persoalan teks tersebut.

Memandangkan komponen ini amat relevan dengan peperiksaan pada peringkat nasional, keputusan telah diambil oleh guru untuk mengajar murid tentang satu strategi yang merangsang minda murid agar dapat mempertingkatkan pemikiran bagi mendapatkan kunci jawapan.

Kajian ini dijalankan berdasarkan prestasi murid Darjah 5 dan 6 yang tidak memuaskan dalam komponen kefahaman subjektif pada setiap peperiksaan sumatif tahun 2011. Sasaran kajian berpusat pada murid Darjah 5 tahap sederhana tahun 2012 memandangkan kumpulan tersebut boleh dibantu

International Conference on Language Studies 2014

dengan lebih baik dan mempunyai cukup masa bagi persiapan peperiksaan peringkat nasional. Justeru, guru menggunakan teknik penyusun grafik dan penyoalan 5W1H bagi memudahkan murid untuk mengecam idea teks naratif.

Kami membuat satu hipotesis bahawa murid akan dapat mengecam idea teks naratif dengan menggunakan teknik penyusun grafik dan penyoalan 5W1H. Penyusun grafik berbentuk visual dan mengaitkan setiap isi penting. Cara ini akan memudahkan murid untuk menyusun dan menyimpan maklumat atau memproses kemahiran metakognitif dengan lebih lama.

Pernyataan Masalah

Guru mendapati bahawa ramai murid Darjah 5 yang bertahap sederhana mengalami kesukaran ketika menjawab soalan-soalan jenis pemahaman, analisis dan penilaian bagi komponen kefahaman membaca. Ini disebabkan murid tidak dapat mengecam idea teks naratif. Oleh itu, guru berusaha untuk menggunakan teknik yang sesuai untuk menangani masalah ini.

Pada mulanya, guru menjalankan teknik meringkasankan perenggan. Namun, teknik ini didapati tidak berkesan. Guru menyedari bahawa teknik ringkasan memerlukan penguasaan bahasa yang tinggi dan kematangan pemikiran, teknik ringkasan didapati sukar untuk dilakukan oleh murid yang bertahap sederhana. Setelah itu, guru menggunakan teknik penyusun grafik. Berdasarkan pemerhatian dalam kelas dan penilaian guru, teknik tersebut didapati lebih sesuai untuk murid mengecam idea teks naratif. Oleh itu, guru menggunakan teknik penyusun grafik sebagai kajian untuk memantau potensi murid dalam menjawab soalan teks kefahaman jenis pemahaman, analisis dan penilaian.

Tujuan Kajian

Kajian bertujuan untuk mencari teknik yang memudahkan murid mengecam idea teks naratif supaya dapat memahami teks kefahaman. Teknik itu akan membantu murid untuk menghubungkan idea yang terdapat dalam teks supaya murid dapat melihat kesinambungan cerita itu. Dalam hal ini, murid bukan sahaja menghadapi masalah memahami keseluruhan teks, malahan mereka tidak dapat mencari isi penting yang dikehendaki soalan. Soalan-soalan kefahaman yang dibina berlandaskan Taksonomi Bloom seperti jenis pemahaman, analisis dan penilaian memerlukan kemahiran berfikir yang tinggi.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti:

1. keberkesanan teknik penyusun grafik dalam pembelajaran; dan
2. keberkesanan teknik penyoalan 5W1H untuk memupuk kemahiran berfikir supaya murid dapat memahami teks kefahaman.

Kajian Literatur

Banyak kajian yang dijalankan di Barat membuktikan akan keberkesanan penyusun grafik dalam pembelajaran. Lovitt (1994) menerangkan bahawa penyusun grafik membantu menyusun idea dan menyerlahkan isi penting. Fountas and Pinnell (2001) pula mengatakan bahawa isi yang digambarkan menerusi rajah akan mengekalkan pengetahuan yang diperoleh oleh murid untuk jangka waktu yang agak lama. Oleh itu, penyusun grafik merupakan cara mendedahkan ilmu yang bermakna kerana dapat membantu menjelaskan idea dan hubung kait dilakukan oleh penggunanya. Dunston (1992) pula mengatakan bahawa murid dapat memahami perkara yang dipelajari dengan lebih baik kerana penyusun grafik memberi kaitan dan urutan sesuatu idea secara tersusun.

International Conference on Language Studies 2014

Kajian lain juga menunjukkan bahawa penyusun grafik ialah kunci kejayaan murid kerana dapat membantu murid mempertingkatkan kelakonan akademik mereka. Sebab-sebabnya diterangkan seperti berikut:

1. Penyusun grafik sepadan dengan pemikiran. Seperti yang dinyatakan oleh David P. Ausubel, otak manusia menyusun dan menyimpan informasi dalam bentuk yang tersusun. Informasi baharu dimasukkan dalam kerangka sedia ada yang dikenali sebagai skema. Skema sudah pun mengandungi pengetahuan sedia ada tentang sesuatu konsep. Penggunaan penyusun grafik menyusun informasi dalam bentuk visual yang menyokong kerangka dalam minda menjadikan pemahaman menjadi lebih mudah difahami dan dipelajari.
2. Penyusun menjelaskan bagaimana konsep berkait dengan pengetahuan sedia ada bagi membantu pemahaman
3. Penyusun membantu ingatan yang bertentangan dengan menghafal perkara utama dalam teks yang panjang.
4. Penyusun membantu mengekalkan informasi yang sedia ada apabila pemikiran aras tinggi memerlukannya.
5. Penyusun melibatkan pelajar dengan gabungan perkataan dalam bentuk perkataan dengan teks yang bercetak

Oleh itu, kajian lepas dari Barat menyokong hipotesis mengenai kelebihan penyusun grafik dalam membantu murid mengecam idea teks naratif. Manakala teknik penyoalan 5W1H iaitu soalan-soalan seperti *what* (apa), *who* (siapa), *when* (bila), *where* (mana), *why* (mengapa) dan *how* (bagaimana) merupakan soalan-soalan yang membantu murid menghurai masalah dan mendapat idea semasa membuat penyusun grafik. Teknik penyoalan 5W1H membantu murid untuk melakar penyusun grafik.

Kaedah Kajian

Sebelum memulakan kajian ini, guru mendapati bahawa murid Darjah 5 tidak dapat menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif dengan tepat semasa Peperiksaan SA1. Guru merumuskan bahawa murid tidak memahami teks kefahaman yang dibaca. Lantaran itu, mereka tidak dapat menjawab soalan-soalan yang diajukan. Untuk menangani masalah ini, kaedah Kajian Pengajaran telah digunakan oleh guru.

Pada awalnya, guru menggunakan teknik ringkasan bagi setiap perenggan dalam teks kefahaman. Teknik ini memerlukan murid untuk membaca setiap perenggan dan merumuskan apa yang telah dibaca. Namun, setelah menjalankan beberapa latihan, guru mendapati bahawa teknik ringkasan itu kurang sesuai digunakan untuk murid sekolah rendah. Teknik ringkasan ternyata sukar dipraktikkan oleh murid kerana mereka tidak boleh meringkaskan perenggan itu dengan menggunakan perkataan sendiri. Akhirnya, murid didapati menyalin semula bahagian-bahagian dari perenggan itu.

Lantaran itu, guru memperkenalkan teknik penyusun grafik. Teknik yang menggunakan penyoalan 5W1H ini mendorong murid untuk mengecam idea-idea yang terdapat dalam teks naratif bagi memahami teks tersebut. Guru berpendapat bahawa sekiranya murid memahami teks, mereka akan

International Conference on Language Studies 2014

mampu menjawab soalan-soalan kefahaman jenis pemahaman, analisis dan penilaian. Dengan itu, guru melatih murid yang terlibat selama 3 minggu sebelum pemerhatian Kajian Pengajaran itu dilaksanakan.

Bagi menilai keberhasilan kajian ini, analisis perbandingan dilakukan berdasarkan markah CA2 dengan SA2 bagi setiap soalan kefahaman jenis pemahaman, analisis dan penilaian.

Subjek Kajian

Setelah perbincangan, guru berpendapat bahawa Kajian Pengajaran ini sesuai dijalankan dalam kelas tahap sederhana. Oleh itu, kelas tahap sederhana melibatkan seramai 20 orang murid telah dipilih.

Instrumen Kajian

Murid harus mampu menghasilkan penyusun grafik untuk mengecam idea yang terdapat dalam teks kefahaman dengan menggunakan soalan-soalan *5W1H* secara individu sebelum menjawab soalan-soalan kefahaman. Kemahiran menghasilkan penyusun grafik ini penting apabila murid menduduki peperiksaan. Namun, memandangkan Kajian Pengajaran ini berada di tahap permulaan, guru mahu merangsang keyakinan dan meningkatkan semangat murid. Guru mendapati bahawa murid belajar dengan lebih efektif apabila mereka melakukan tugas berkumpulan. Lantas, guru-guru telah menggunakan *Round Table*, salah satu strategi daripada kaedah Pembelajaran Koperatif. Melalui strategi *Round Table*, murid dapat belajar antara satu sama lain.

Prosedur Kajian

Bagi set induksi, guru telah menggunakan sedutan daripada filem Allahyarham Tan Sri P.Ramlee iaitu 'Masam-masam Manis' sebagai bahan induksi. Sedutan itu menunjukkan watak Cikgu Shaa'ri yang telah tertidur di dalam kelas ketika mengajar. Kemudian, guru menanyakan murid apa yang mereka faham daripada sedutan itu dengan menggunakan teknik penyoalan *5W1H* sebagai perancah. Apabila murid menggunakan teknik penyoalan *5W1H*, secara tidak langsung, murid telah menghasilkan penyusun grafik secara mental.

Bagi peringkat pertama, murid menghasilkan penyusun grafik secara individu sebelum mereka berbincang dalam kumpulan untuk berkongsi penyusun grafik masing-masing. Dalam perbincangan itu, mereka telah memilih penyusun grafik yang paling tepat untuk dijadikan panduan. Pada masa yang sama, anggota kumpulan yang lain telah memberikan input pada penyusun grafik tersebut agar menjadi lebih lengkap dan tepat.

Peringkat kedua pula diteruskan dengan strategi Pembelajaran Koperatif, *Send-A-Problem*. Murid perlu mengenal pasti jawapan bagi soalan kefahaman jenis pemahaman, analisis dan penilaian. Secara berkumpulan, murid harus menggaris jawapan dalam teks. Kemudian, secara individu pula, murid harus menulis jawapan.

Selepas itu, guru memancarkan penyusun grafik di hadapan kelas yang telah dihasilkannya. Murid membandingkan penyusun grafik yang telah dipilih kumpulan mereka pilih dengan penyusun grafik guru. Setelah itu, murid menyemak jawapan latihan kefahaman dengan jawapan yang diberi guru.

International Conference on Language Studies 2014

Di akhir kajian murid mengisi borang maklum balas tentang keberkesanan penyusun grafik dan pemahaman mereka akan 4 jenis soalan kefahaman yang dipelajari.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Untuk mendapatkan maklum balas murid mengendai keberkesanan kaedah pengajaran yang digunakan, guru telah mengajukan empat soalan dalam borang selidik. Secara keseluruhan, 100% murid yang terlibat bersetuju bahawa kaedah yang digunakan memberi manfaat. Dapatan menunjukkan bahawa 100% murid tahu menjawab jenis soalan kefahaman yang menjadi tumpuan kajian.


Jadual 1 memuatkan dapatan yang dikumpulkan daripada borang maklum balas 20 orang murid yang terlibat.

Jadual 1
Maklum Balas Murid

NO	MAKLUM BALAS	PERATUSAN MURID			
		Sangat setuju	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju
1	Saya suka pembelajaran pada hari ini.	75	25		
2	Saya boleh mengecam 4 jenis soalan kefahaman.	75	25		
3	Teknik penyusun grafik membantu saya memahami teks naratif dengan lebih jelas.	75	25		
4	Saya tahu mencari jawapan untuk 4 jenis soalan kefahaman.	15	85		

Berdasarkan borang maklum balas murid, semua murid mendapati bahawa teknik penyusun grafik membantu mereka memahami teks naratif dengan lebih jelas.

Rajah 1. Peratusan Murid yang Lulus



Rajah 1 menunjukkan peningkatan yang ketara bagi soalan-soalan jenis pemahaman, analisis dan penilaian. Dapatan ini menunjukkan dengan jelas bahawa penggunaan penyusun grafik telah membantu pencapaian murid dalam peperiksaan. Pencapaian pelajar bagi peperiksaan akhir tahun (SA2) menunjukkan peningkatan pencapaian pelajar berbanding ujian 2 (CA2).

International Conference on Language Studies 2014

Jadual 2
Soalan-soalan Peperiksaan

Ujian Sumatif	Soalan 38 Jenis Pemahaman	Soalan 39 Jenis Penilaian	Soalan 40 Jenis Analisis
CA2	Terangkan dua bukti penulis gemar berkawan dengan Reza.	"...tidak memahami mengapa aku berkawan rapat dengan Reza..." Jelaskan alasan-alasan teman-teman penulis berfikiran begitu.	Kehidupan keluarga Reza sempit. Berikan dua kesan.
SA2	Terangkan dua sebab Iffah gemar menabung wang syiling satu dolar.	"...berasa hairan dengan kelakuan anaknya itu..." Jelaskan mengapa ibu Iffah berfikiran demikian.	Iffah telah berbakti kepada masyarakat. Berikan dua bukti.

Jadual 2 ini menunjukkan soalan-soalan kefahaman jenis pemahaman, analisis dan penilaian yang telah berjaya dijawab oleh murid. Ini membuktikan bahawa penyusun grafik membantu murid untuk menjawab soalan-soalan yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi.

Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan bahawa murid boleh menggunakan penyusun grafik mengecam idea teks naratif dan memahami penerangan guru mengenai teknik penyoalan 5W1H. Oleh itu, teknik ini membantu murid menjawab soalan kefahaman jenis pemahaman, analisis dan penilaian. Namun, guru-guru harus juga mengambil kira akan kepentingan penguasaan bahasa dan konsep yang mudah difahami murid.

Selain itu, strategi *Round Table* dan *Send-A-Problem* yang digunakan melibatkan murid secara aktif dalam proses pembelajaran. Strategi Pembelajaran Koperatif yang digunakan pula menggalakkan murid untuk bekerjasama dan saling bantu-membantu antara satu sama lain. Walaupun murid yang lemah tidak kelihatan rancak berbincang, mereka masih dapat mempelajari perkara yang mereka tidak fahami menerusi pemerhatian dan perbincangan berkumpulan.

Kesimpulannya, guru berpendapat bahawa murid dapat mengecam idea teks naratif dengan menggunakan teknik penyusun grafik dan penyoalan 5W1H. Teknik ini juga memudahkan murid untuk menyusun dan menyimpan maklumat atau memproses kemahiran metakognitif dengan lebih baik.

Rujukan

Dunston, P.J (1992). A Critique of graphic organizer research, *Reading Research and Instruction*. 31(2), 57-65.

International Conference on Language Studies 2014

Spencer Kagan (1992). *Kagan Cooperative Learning*. San Juan Capistrano: California

Sumber Elektronik

Research on Graphic Organizers, dipetik daripada
www.mentoringminds.com/pdf/pdfGraphicOrganizersResearch.pdf (13 Januari 2013)

5W1H, dipetik daripada
<http://changingminds.org/techniques/questioning/5w1h.htm> (13 Januari 2013)

Probing, dipetik daripada <http://changingminds.org/techniques/questioning/probing.htm>
(13 Januari 2013)

Instructional Strategy On-line, dipetik daripada
<http://olc.spsd.sk.ca/DE/PD/instr/intera.html> pada 17 April 2013.